

19 MAY 2003

Mahathir-Dadah

DR MAHATHIR MINTA IBU BAPA DIDIK ANAK-ANAK BENCI DADAH

PUTRAJAYA, 19 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri meminta ibu bapa supaya mendidik anak-anak dengan nilai-nilai murni termasuk menganggap dadah sebagai najis.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata ibu bapa perlu mengajar anak-anak bahawa dadah itu najis dan tidak harus didekati kerana ia boleh membawa maut dan penyakit yang amat dahsyat.

"Kita perlu tekankan kepada anak-anak sejak awal di rumah dan sekolah bahawa dadah adalah najis yang amat kotor sekali.

"Seperti mana kita mengajar anak-anak supaya jangan menempuh najis begitulah juga kita mendidik anak-anak supaya menganggap dadah itu najis," katanya semasa berucap pada majlis makan malam bersama Dr Mahathir yang juga Penaung Pemadam di sini, malam ini.

Dr Mahathir berkata jika ibu bapa mengajar anak-anak mereka bahawa dadah itu kotor dan membawa mudarat, ia boleh membantu mengurangkan masalah penagihan dadah di negara ini.

Dr Mahathir, yang hadir bersama-sama isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, berkata undang-undang tidak akan berkesan mengatasi masalah dadah jika anak-anak tidak dididik dari awal lagi mengenai bahaya dadah terhadap negara.

Selain itu, katanya didikan agama yang cukup juga penting supaya anak-anak boleh menolak dadah daripada hidup mereka.

"Di sini saya nak sebutkan, kalau kita mempunyai didikan agama yang kukuh, tak kira agama apa sekalipun yang menolak benda kotor dan najis, sudah tentu seseorang yang mempunyai pegangan agama yang kukuh juga boleh menolak dadah," katanya.

Dr Mahathir berkata pegangan agama yang kukuh membuatkan seseorang itu dapat membezakan perkara yang baik dan buruk.

Dr Mahathir berkata rakyat juga perlu mempunyai kekuatan rohani dan personaliti yang jitu bagi membolehkan mereka menolak dadah.

Beliau berkata semasa pemerintahan British, penyalahgunaan dadah dilihat sebagai tabiat yang baik kerana mereka akan mendapat hasil daripada penjualan dadah atau candu yang mengurangkan masalah lain seperti demonstrasi kerana masyarakat khayal dengan dadah.

"Tetapi keadaan hari ini berbeza kerana menghisap dadah adalah satu tabiat buruk yang bukan sahaja menimbulkan masalah kepada negara tetapi juga boleh membunuh dengan adanya penyakit seperti HIV," kata beliau.

Perdana Menteri menegaskan bahawa penagih dadah banyak menimbulkan masalah sosial dan terbabit dalam kegiatan jenayah sehingga sanggup membunuh dan mencuri untuk mendapatkan bekalan dadah.

Selain sukar untuk dipulihkan, penagihan dadah juga mendatangkan kemudaratan apabila mereka diserang HIV yang kemudian menjangkiti anggota keluarga lain seperti isteri dan anak-anak, kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir berkata walaupun ada yang mencadangkan negara ini menjual dadah sebagai satu daripada sumber pendapatannya, Malaysia menolak cadangan itu.

"Walaupun ada negara-negara Eropah membekalkan dadah kepada rakyatnya tetapi Alhamdulillah di Malaysia, walaupun ada cadangan seperti ini, kita tidak terima," katanya.

Dalam ucapannya itu, Dr Mahathir juga turut memuji usaha Pemadam Kebangsaan yang sentiasa mencari alternatif untuk menghapuskan penagihan dadah di negara ini.

"Kalau tidak ada Pemadam, kalau tidak ada usaha untuk membanteras merebaknya penagihan dadah, jumlah penagih dadah akan jauh lebih besar... jadi kita percaya Pemadam telah berjaya (melakukannya). Jangan kecewa, jangan mudah putus asa, teruskan usaha ini kerana ia membawa banyak manfaat kepada masyarakat dan negara," katanya.

Sementara itu, anggota Lembaga Penasihat Pemadam Kebangsaan Tan Sri Megat Junid Megat Ayob berkata Pemadam Kebangsaan berusaha memerangi dadah secara besar-besaran dengan mengadakan pelbagai kempen.

Turut hadir pada majlis itu ialah Yang Dipertua Pemadam Kebangsaan Datuk Zainal Abidin Zin yang juga Timbalan Menteri Dalam Negeri.

-- BERNAMA

SSA HM NAK